

585:

MAHATHIR

1974

KUALA LUMPUR, 9 OKT (BERNAMA)-JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN HARI INI MEMPELAWA ORANG RAMAI MENGEMUKAKAN PANDANGAN DAN MEMORANDA-MEMORANDA KEPADANYA UNTUK DIJADIKAN PANDUAN DALAM MENJALANKAN TUGASNYA.

JAWATANKUASA KABINET LAPAN ORANG YANG DIPENGERUSIKAN OLEH DR. MAHATHIR MOHAMED DIBENTUK BARU BARU INI BERTUJUAN Mencari penyelesaian kepada masalah-masalah dan menjamin kelincinan sistem pelajaran.

LAIN-LAIN MENTERI YANG MENANGGOTAI JAWATANKUASA ITU IALAH, DATO LEE SAN CHOON, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, DATUK MOHAMED ASRI HAJI MUDA, DATUK HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, DATO ALI HAJI AHMAD, ENCIK MICHAEL CHEN DAN DATO MUSA HITAM.

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN SEMUA PENDANGAN DAN MEMORANDA YANG DIKEMUKAKAN AKAN DIBERI PERHATIAN OLEH JAWATANKUASA ITU.

SEGALA PANDANGAN BOLEHLAH DISAMPAIKAN KEPADA JAWATANKUASA KABINET PERLAKSANAAN DASAR, D/A BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN, KEMENTERIAN PELAJARAN, JALAN DUTA, KUALA LUMPUR, SEBELUM 31 JANUARI, 1974. -- BERSAMBUNG HM 1548

586:

MAHATHIR @ KUALA LUMPUR

JAWATANKUASA ITU TELAH DIBERI TUGAS UNTUK MENKAJI DALAM KONTEK SISTEM PELAJARAN SEKARANG, SAMA ADA TUJUAN ASAL DASAR PELAJARAN TELAH TERCAPAI DALAM PERLAKSANAAN SISTEM ITU TERUTAMA DARI SEGI MENJAMIN BOLEHNYA SISTEM ITU MELAHIRKAN TENAGA RAKYAT NEGARA JANGKAPANJANG DAN JANGKAPENDEK DAN MENENTUKAN SAMA ADA SISTEM ITU TELAH BERJAYA MENGHASILKAN MASYARAKAT YANG BERSATU-PADU, BERDISPLIN DAN TERLATIH.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR, JAWATANKUASA ITU TELAH MENGADAKAN SIDANG PERTAMANYA KELMARIN BAGI MEMBINCANGKAN TAFSIRAN BIDANG - BIDANG TUGAS DAN CARA-CARA JAWATANKUASA BEKERJA.

BELIAU MENJELASKAN JAWATANKUASA ITU TIDAK AKAN MENYEMAK DASAR PELAJARAN YANG ADA PADA HARI INI YANG TELAH DITERIMA OLEH SEMUA.

"APA YANG DITITIKBERATKAN IALAH PERLAKSANAAN DASAR IAITU SAMA ADA PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN TELAH MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIF YANG TERKANDUNG DALAM DASAR ITU.

"SAMA ADA PERLAKSANAAN DASAR ITU TELAH MENGHASILKAN TENAGA RAKYAT NEGARA DALAM JANGKAPENDEK DAN JANGKAPANJANG DAN SAMA ADA PERLAKSANAAN DASAR ITU TELAH BERJAYA MELAHIRKAN MASYARAKAT BERSATU-PADU, BERDISPLIN DAN TERLATIH."

-BERSAMBUNG HM 1600

587:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KEQUALI TANGGAGAJI, SEMUANYA AKAN DIKAJI TERMASUK LAPURAN RAZAK DAN LAPURAN RAHMAN TALIB, KATANYA.

JAWATANKUASA ITU AKAN JUGA MENGENKAJI MASAALAH-MASAALAH YANG BOLEH MENGHALANG TERCAAINYA TUJUAN ASAL DASAR TERSEBUT.

+SEKIRANYA TERDAPAT APA-APA MASAALAH, JAWATANKUASA INI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBUAT CADANGAN-CADANGAN BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENGATASINYA AGAR TUJUAN DASAR PELAJARAN KITA TIDAK TERJEJAS.+

JAWATANKUASA ITU AKAN MENDAPATKAN PANDANGAN-PANDANGAN DARI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN, PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN, KESATUAN-KESATUAN GURU, UNIVERSITI-UNIVERSITI DAN BADAN-BADAN LAIN SERTA ORANG PERSEORANGAN.

KERAJAAN PERCAYA BERJAYANYA SESUATU DASAR KERAJAAN

TERGANTUNG ATAS PENYERTAAN SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT, OLEH ITU PENYERTAAN SEMUA PEHAK ADALAH DIPERLUKAN.

DR. MAHATHIR BERHARAP JAWATANKUASA ITU DAPAT MENYIAPKAN KERJANYA DALAM MASA SETAHUN. EMPAT BULAN PERTAMA UNTUK MENERIMA MEMORANDA, ENAM BULAN UNTUK MENGENKAJI DAN DUA BULAN UNTUK MENULIS LAPURAN.

KATANYA SEKURANG-KURANGNYA EMPAT BUAH JAWATANKUASA PENILIAN AKAN DIBENTUK BAGI MEMBANTU TUGAS JAWATANKUASA ITU, JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ITU IALAH JAWATANKUASA PENILIAN PERPADUAN NEGARA, JAWATANKUASA PENILIAN TENAGA RAKYAT, JAWATANKUASA PROFESSIONAL, DAN JAWATANKUASA BUKAN PROFESSIONAL. -- BERNAMA 1600/SS